

15 SEP 1997

Abu Zahar - Jerebu

KESAN JEREBU KEPADA INDUSTRI PELANCONGAN DIKAJI

MELAKA, 15 Sept (Bernama) -- Ketua Menteri, Datuk Abu Zahar Isnin hari ini mengarah kajian dijalankan bagi mengesan sama ada industri pelancongan di sini terjejas akibat masalah jerebu.

Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar negeri telah diarahkan supaya membuat kajian itu dengan segera, katanya.

"Kita mahu mengetahui sama ada jumlah kehadiran pelancong ke sini berkurangan akibat daripada masalah jerebu yang melanda," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pejabat baru Persatuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) cawangan Melaka di Plaza Jayamuda di sini.

Hadir sama Naib Presiden FMM, Tan Sri Jen (B) Zain Hashim, Pengerusi FMM cawangan Melaka, Datuk Thamby Chik Hassan dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Perindustrian, Sains dan Teknologi negeri, Datuk Ibrahim Durum.

Abu Zahar berkata sektor pelancongan merupakan industri kedua terpenting selepas perindustrian di sini dan sebarang masalah yang dihadapi oleh sektor itu perlu dikenalpasti.

Beliau mengalu-alu pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa operasi pembenihan awan bagi membawa hujan akan dilakukan di seluruh negara.

Sementara itu, Ketua Menteri turut meminta FMM supaya memastikan pekilang tidak melepaskan asap yang berlebihan atau mengurangkan sebarang operasi yang boleh menyumbangkan kepada peningkatan masalah jerebu.

Indeks Pencemar Udara (API) di sini seperti dilaporkan oleh Jabatan Kaji Cuaca telah mencapai tahap tidak menyihatkan sejak semalam dan bacaan pada pukul 5 petang ialah pada paras 205 API.

Pada perkembangan lain, Abu Zahar berkata beliau akan mengetuai rombongan galakan pelaburan ke Amerika Syarikat, Kanada dan England akhir bulan ini dalam usaha menarik pelaburan berteknologi tinggi.

Beliau juga berkata satu perjanjian dengan sebuah universiti di London akan dibuat oleh Kolej Islam Melaka (KIM) bertujuan mengadakan kursus kejururawatan peringkat ijazah. --Bernama

MYD oba